

D.R. 9/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024.

(2) Seksyen 2, 3, 4, 8 dan 9 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta ini.

(3) Seksyen 5 dan 6 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

(4) Seksyen 7 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan menggantikan takrif “capital asset” dengan takrif yang berikut:

‘ “capital asset” means—

- (a) movable or immovable property situated outside Malaysia including any rights or interests thereof; or
- (b) movable property situated in Malaysia which is a share of a company incorporated in Malaysia not listed on the stock exchange (including any rights or interests thereof) owned by a company, limited liability partnership, trust body or co-operative society;’.

Pindaan seksyen 15c

3. Seksyen 15c Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “person” dengan perkataan “company, limited liability partnership, trust body or co-operative society”; dan
- (b) dalam subseksyen (5), dalam takrif “defined value”, dengan menggantikan perkataan “subsection (2)” dengan perkataan “subsection (4)”.

Pindaan seksyen 65c

4. Seksyen 65c Akta ibu dipinda—

- (a) dalam takrif “disposal”, dengan menggantikan koma bernoktah di hujung takrif itu dengan noktah; dan
- (b) dengan memotong takrif “shares”.

Pindaan seksyen 82

5. Subseksyen 82(2B) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “printed”.

Pindaan seksyen 82c

6. Seksyen 82c Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

“(6) Subject to the conditions as may be determined by the Director General, where for any year of assessment a person —

(a) acquires any goods sold or enjoys any services performed; or

(b) provides electronic commerce platform in respect of any goods sold or services performed by any other person,

that person shall for that year of assessment issue a self-billed invoice in accordance with the conditions as may be imposed by the Director General and the invoice shall be treated as an electronic invoice.”.

Pindaan seksyen 107c

7. Subseksyen 107c(12) Akta ibu dipinda dengan menggantikan takrif “revised estimate” dengan takrif yang berikut:

‘ “revised estimate” means a revised estimate made in the eleventh month of the basis period or if there is no revised estimate made in the eleventh month of the basis period, the revised estimate made in the ninth month of the basis period or if there is no revised estimate made in the ninth month of the basis period, the revised estimate made in the sixth month of the basis period.’.

Pindaan Jadual 1**8.** Bahagian XXI Jadual 1 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) in relation to a disposal of movable property referred to in paragraph (b) in the definition of “capital asset” in subsection 2(1) or disposal of shares referred to in section 15c, which was acquired before 1 January 2024—

(i) at the rate of 10 per cent on every ringgit of the chargeable income from such disposal; or

(ii) at the rate of 2 per cent of gross on the disposal price of such movable property or shares;” dan

(b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) in relation to a disposal of movable property referred to in paragraph (b) in the definition of “capital asset” in subsection 2(1) or disposal of shares referred to in section 15c, which was acquired on or after 1 January 2024 at the rate of 10 per cent on every ringgit of the chargeable income from such disposal;”.

Pindaan Jadual 6**9.** Jadual 6 kepada Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan 38.

HURAIAN

Rang Undang-Undang (“Akta yang dicadangkan”) ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”).

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* bertujuan untuk menggantikan takrif “capital asset” dalam subseksyen 2(1) Akta 53.

Fasal 2 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa takrif “capital asset” di bawah Akta 53 adalah merujuk kepada harta alih atau harta tak alih yang terletak di luar Malaysia.

Fasal 2 selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa takrif “capital asset” di bawah Akta 53 adalah merujuk kepada harta alih yang terletak di Malaysia yang merupakan syer syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang tidak tersenarai di bursa saham yang dimiliki oleh suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta yang dicadangkan ini.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 15c Akta 53.

Perenggan 3(a) bertujuan untuk menjelaskan bahawa pelupusan syer dalam syarikat terkawal di bawah seksyen 15c merujuk kepada pelupusan itu yang dibuat oleh suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta yang dicadangkan ini.

Perenggan 3(b) bertujuan untuk meminda takrif “defined value” dalam subseksyen 15c(5) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa nilai tertentu ertinya nilai pasaran harta tanah atau harga perolehan syer syarikat terkawal lain sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen 15c(4) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta yang dicadangkan ini.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk memotong takrif “shares” dalam seksyen 65c Akta 53 bagi menjelaskan bahawa takrif “shares” di bawah subseksyen 2(1) Akta 53 adalah terpakai bagi maksud Bab 9 Bahagian III Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta yang dicadangkan ini.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 82(2B) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pengeluaran resit boleh dibuat dalam apa-apa cara dan tidak terhad kepada resit yang dicetak.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 82c(6) Akta 53 untuk menghendaki penyedia platform perdagangan elektronik untuk mengeluarkan invois bil sendiri mengikut syarat dan spesifikasi sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk menggantikan takrif “revised estimate” dalam subseksyen 107c(12) Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa takrif “revised estimate” termasuk semakan anggaran yang dibuat dalam bulan kesebelas.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2024 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda Bahagian XXI Jadual 1 kepada Akta 53.

Perenggan 8(a) bertujuan untuk menjelaskan bahawa hanya aset modal yang merupakan harta alih yang terletak di Malaysia yang merupakan syer suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan tidak tersenarai di bursa saham dan syer yang dirujuk dalam seksyen 15c Akta 53, yang diperoleh sebelum 1 Januari 2024, layak untuk kadar cukai di bawah perenggan (a) Bahagian XXI Jadual 1 kepada Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta yang dicadangkan ini.

Perenggan 8(b) bertujuan untuk menjelaskan bahawa hanya aset modal yang merupakan harta alih yang terletak di Malaysia yang merupakan syer suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang tidak tersenarai di bursa saham dan syer yang dirujuk dalam seksyen 15c Akta 53, yang diperoleh pada atau selepas 1 Januari 2024, layak untuk kadar cukai di bawah perenggan (b) Bahagian XXI Jadual 1 kepada Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta yang dicadangkan ini.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk memotong perenggan 38 Jadual 6 kepada Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada takrif “capital asset” di bawah subseksyen 2(1) Akta 53 yang dibuat di bawah *fasal 2* Akta yang dicadangkan ini.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya Akta yang dicadangkan ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3348]